

SULIT
Prinsip
Perakaunan
Ogos – September
2025
2 ½ jam



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

=====

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2025**

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
4. *Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.*
5. *Sila jawab dalam **Buku Jawapan** yang disediakan.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.

PPC 2025 - N.SEMBILAN

Bahagian A

[60 markah]

Jawab *semua* soalan

1 (a) Nyatakan pernyataan yang berikut sama ada **betul** atau **salah**.

- (i) Semarak Bersatu Enterprise yang menjalankan perniagaan import dan eksport bahan berasaskan tekstil dengan negara China menanggung liabiliti tidak terhad.

[1 markah]

- (ii) Encik Farouq tidak merekod sewa rumah kediamannya sebagai belanja perniagaan. Prinsip yang terlibat ialah pengiktirafan hasil dan belanja.

[1 markah]

(b) Urus niaga berikut diperoleh daripada buku perniagaan Stella Furnishing.

Pemilik membawa masuk tunai peribadi berjumlah RM10 000 ke dalam perniagaan

Nyatakan kesan urus niaga di atas terhadap Aset, Liabiliti dan Ekuiti Pemilik.

[2 markah]

(c) Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Yazmeen Enterprise.

	RM
Baki perabot pada 1 Januari 2024	18 000
Belian perabot sepanjang tahun 2024	24 000
Baki perabot pada 31 Disember 2024	38 000

Hitung susut nilai perabot tersebut.

[2 markah]

(d) Kelab Rekreasi Noghori telah ditubuhkan pada 1 Julai 2024 untuk mengisi masa lapang remaja yang menggemari aktiviti sukan dan riadah di Negeri Sembilan.

- (i) Nyatakan sumber utama bagi kelab dan persatuan.

[1 markah]

- (ii) Berikan satu contoh pendapatan modal bagi kelab tersebut.

[1 markah]

- (e) Dokumen berikut diperoleh daripada buku perniagaan Wonder Sport World.

ASAL	X	1009/45										
Wonder Sport World No. 65 Jalan Haruan 70100 Seremban												
Kedai Alatan Sukan Extra No. 23 Jalan Megah 70400 Seremban Tarikh: 5 Julai 2025												
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <th colspan="2" style="text-align: left; padding: 5px;">Akaun tuan/puan telah didebitkan seperti berikut:</th> </tr> <tr> <th style="width: 70%; text-align: center; padding: 5px;">Butiran</th> <th style="width: 30%; text-align: center; padding: 5px;">Jumlah (RM)</th> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">5 unit bola sepak jenama Ultra dalam invoie bertarih 30 Jun 2025 telah terkurang caj.</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">450.00</td> </tr> <tr> <td style="text-align: right; padding: 5px;">Tolak: Diskaun Niaga 10%</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">45.00</td> </tr> <tr> <td style="text-align: right; padding: 5px;">Jumlah</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">405.00</td> </tr> </table>			Akaun tuan/puan telah didebitkan seperti berikut:		Butiran	Jumlah (RM)	5 unit bola sepak jenama Ultra dalam invoie bertarih 30 Jun 2025 telah terkurang caj.	450.00	Tolak: Diskaun Niaga 10%	45.00	Jumlah	405.00
Akaun tuan/puan telah didebitkan seperti berikut:												
Butiran	Jumlah (RM)											
5 unit bola sepak jenama Ultra dalam invoie bertarih 30 Jun 2025 telah terkurang caj.	450.00											
Tolak: Diskaun Niaga 10%	45.00											
Jumlah	405.00											
(Ringgit: Empat Ratus Lima Sahaja) <i>Taha</i> Penerima <i>Norman</i> Pengurus												

- (i) Namakan dokumen **X** yang terlibat di atas. [1 markah]
- (ii) Apakah Buku Catatan Pertama yang terlibat untuk merekod urus niaga tersebut? [1 markah]

- 2 Encik Zubir, pemilik Kedai Runcit Zubir mengamalkan catatan tunggal untuk merekod akaunnya. Butir-butir berikut dipetik daripada buku perniagaannya:

	1 Jun 2024	31 Mei 2025
	RM	RM
Lengkapan	7 800	9 420
Kenderaan	14 800	14 800
Inventori	5 920	6 150
Akaun Belum Terima	5 360	5 140
Bank	1 180	3 660
Akaun Belum Bayar	5 160	5 550
Sewa Prabayar	1 000	2 400
Komisen Belum Terima	3 580	-
Kadar Bayaran Belum Bayar	-	200
Tunai	-	?

Berikut adalah senarai penerimaan dan pembayaran.

Penerimaan:

Butiran	Tunai	Bank
	RM	RM
Akaun Belum Terima	8 360	12 800
Komisen		4 160
Modal		5 000
Jualan		12 950

Pembayaran:

Butiran	Tunai	Bank
	RM	RM
Gaji		3 250
Kadar Bayaran	1 020	
Akaun Belum Bayar		13 680
Belian		5 180
Ambilan	4 040	
Lengkapan		5 320
Sewa		5 000
Insurans atas belian	1 080	

PPC 2025 - N.SEMBILAN

Maklumat Tambahan:

- (i) Urus niaga berikut telah berlaku sepanjang tahun berakhir 31 Mei 2025:

	RM
Hutang Lapuk	860
Diskaun Diterima	835
Pulangan Masuk	1 600

- (ii) Pada tahun itu, Encik Zubir telah mengambil barang niaga bernilai RM180 sebulan untuk kegunaan keluarga.
- (iii) Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Kawalan Belum Terima. [3 markah]
- (b) Akaun Kawalan Belum Bayar. [2 markah]
- (c) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2025. [12 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2025. [8 markah]

PPC 2025 - N.SEMBILAN

- 3 Maniam, Ronny dan Zaki merupakan pekongsi-pekongsi dalam Perkongsian MAROZA. Ikatan Perjanjian perkongsian menetapkan perkara-perkara berikut:

- Faedah atas modal ialah 5% setahun.
- Ambilan pekongsi dikenakan faedah 10% setahun.
- Faedah atas pinjaman ialah 8% setahun.
- Zaki dibayar gaji bulanan RM500.
- Untung atau rugi diagihkan mengikut nisbah modal masing-masing.

Maklumat berikut diambil daripada Perkongsian MAROZA pada 31 Disember 2024:

	RM
Modal pada 1 Januari 2024:	
Maniam	20 000
Ronny	40 000
Zaki	40 000
Akaun Semasa pada 1 Januari 2024:	
Maniam (debit)	1 780
Ronny	2 400
Zaki	2 590
Ambilan:	
Maniam (1 Januari 2024)	2 500
Ronny (1 April 2024)	2 200
Akaun Belum Terima	10 500
Bank	20 060
Kadar bayaran	1 308
Sewa	2 500
Promosi	2 440
Akaun Belum Bayar	9 200
Gaji Zaki	5 000
Pinjaman Ronny	6 000
Perabot	13 100
Faedah atas pinjaman Ronny	250
Untung kasar	32 800

PPC 2025 - N.SEMBILAN

Maklumat Tambahan:

- (i) Komisen belum terima bernilai RM500.
- (ii) Satu perlima daripada promosi adalah prabayar.
- (iii) Perabot disusutnilaikan sebanyak 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.
- (iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 5% atas Akaun Belum Terima bersih.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2024. [6 markah]
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2024. [6 markah]
- (c) Akaun Semasa setiap pekongsi. (beruangan) [8 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024. (**Tunjukkan bahagian Ekuiti Pemilik sahaja**) [3 markah]
- (e) Nyatakan dua sebab sesebuah perniagaan perkongsian dibubarkan. [2 markah]

PPC 2025 - N.SEMBILAN

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

- 4 (a) K&A Marketing Food Sdn. Bhd. mengeluarkan produk sambal garing ikan bilis yang dipasarkan di Negeri Sembilan dan Melaka.

Maklumat berkaitan dengan operasi syarikat bagi tiga tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Unit Jualan	Jumlah Hasil RM	Jumlah Kos RM
2022	0	0	90 000
2023	40 000	320 000	290 000
2024	52 000	416 000	350 000

Harga jualan seunit, kos berubah seunit dan kos tetap pada setiap tahun adalah malar.

Anda dikehendaki menghitung:

- (i) kos berubah seunit. [2 markah]
- (ii) harga jualan seunit. [2 markah]
- (iii) titik pulang modal. [2 markah]
- (iv) titik pulang modal (dalam unit) jika firma melancarkan satu kempen pengiklanan yang menelan belanja RM12 000. [2 markah]
- (v) jumlah unit yang perlu dijual untuk mendapatkan keuntungan sebanyak RM20 000.
Andaikan kos ikan bilis meningkat sebanyak RM1.00 [2 markah]

PPC 2025 - N.SEMBILAN

- 4 (b) Syarikat Jebat Berhad telah menjalankan perniagaan perkhidmatan sewaan lori di Seremban, Negeri Sembilan. Pada 1 Julai 2024, syarikat telah menerbitkan syer seperti di dalam jadual berikut. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada 31 Julai 2024.

Jenis Syer	Bilangan Syer Diterbitkan	Harga Sesyer RM
6 % Syer Keutamaan	700 000 unit	2.00
Syer Biasa	500 000 unit	1.50

Lembaga Pengarah telah bersetuju untuk membayar Dividen Interim untuk Syer Keutamaan dan 4 sen sesyer untuk Syer Biasa pada 31 Januari 2025.

Bagi tahun berakhir 30 Jun 2025, Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan Dividen Akhir Syer Keutamaan dan 5% kepada pemegang Syer Biasa.

Anda dikehendaki:

- (i) menghitung
- (1) Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh. [2 markah]
- (2) Dividen Interim. [2 markah]
- (3) Dividen Akhir. [2 markah]
- (ii) menyediakan Akaun Permohonan, Akaun Modal dan Akaun Bank untuk merekod terbitan Syer Biasa. [3 markah]
- (iii) menunjukkan bahagian Ekuiti Pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2025. [1 markah]

PPC 2025 - N.SEMBILAN

- 5 Encik Thaqif adalah pemilik perniagaan Thaqif Enterprise yang beroperasi di Port Dickson. Imbangan Duga berikut diambil daripada buku perniagaannya pada 31 Julai 2025.

Imbangan Duga pada 31 Julai 2025

	RM		RM
Inventori 1 Ogos 2024	18 470	Modal 1 Ogos 2024	80 480
Inventori Alat tulis	230	Susut nilai terkumpul kenderaan	11 200
Kenderaan	56 000	Jualan	64 120
Lengkapan	18 000	Akaun Belum Bayar	4 760
Belian	26 350	Peruntukan hutang ragu	164
Tunai	1 210	Pulangan keluar	1 340
Bank	22 430	Pinjaman 6% (matang pada 31 Julai 2028)	27 000
Simpanan tetap	15 000		
Upah dan gaji	6 240		
Faedah atas pinjaman	2 700		
Akaun Belum Terima	8 700		
Sewa	7 800		
Utiliti	1 820		
Alat tulis	674		
Ambilan	3 440		
	189 064		189 064

Maklumat Tambahan:

- Inventori pada 31 Julai 2025 berjumlah RM22 520 pada harga kos dan RM21 250 pada harga pasaran.
- Alat tulis yang masih belum digunakan bernilai RM 234.
- Sewa tahunan RM8 200.
- Thaqif telah menjelaskan gaji pekerja RM2 000 menggunakan wang peribadinya dan belum dicatat dalam mana-mana buku.
- Peruntukan hutang ragu diselaraskan 3% atas baki Akaun Belum Terima.
- Pinjaman telah dibuat pada 1 Ogos 2023 dengan nilai pokok RM45 000 untuk tempoh 5 tahun.

PPC 2025 - N.SEMBILAN

- vii. Faedah atas Simpanan Tetap ialah 4% setahun.
- viii. Susut nilai Aset Bukan Semasa adalah seperti berikut:

Kenderaan	20% setahun atas baki berkurangan
Lengkapan	Tempoh penggunaan 10 tahun dan nilai skrap RM3 000

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2025. [10 *markah*]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2025. (Tunjuk modal kerja) [10 *markah*]

PPC 2025 - N.SEMBILAN

- 6 (a) Encik Iskandar, seorang peniaga telah menerima Penyata Bank bagi bulan Jun 2025 yang menunjukkan baki RM1 196 (debit).

Maklumat dari Buku Tunai bagi bulan Jun 2025 adalah seperti berikut:

	RM
Baki pada 1 Jun 2025	650
Jumlah penerimaan	4 600
Jumlah pembayaran	5 820

Setelah Encik Iskandar membandingkan butiran dalam Penyata Bank dengan Buku Tunai, perkara berikut ditemui:

- (i) Cek RM3 210 daripada Syarikat Raihan telah didepositkan pada 24 Jun tetapi belum dikreditkan oleh pihak bank.
- (ii) Arahan tetap untuk bayaran insurans kedai RM2 120 belum direkodkan dalam Buku Tunai.
- (iii) Cek berjumlah RM1 950 yang diterima daripada pelanggan Muiz telah dipulangkan oleh bank bertanda “Rujuk Penyuruh Bayar”.
- (iv) Cek berjumlah RM2 400 untuk sewa dan RM2 680 kepada Encik Bakar belum dikemukakan kepada bank.
- (v) Encik Iskandar telah mendepositkan cek daripada pelanggan Julieta berjumlah RM4 461 ke dalam bank tetapi telah dicatat sebagai RM4 361 dalam Buku Tunai.
- (vi) Dividen RM1 534 daripada Teguh Berhad dan buku cek RM60 belum direkodkan dalam Buku Tunai.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2025. (mula dengan baki di buku tunai)

[10 markah]

- 6 (b) Eirdina Maisarah memulakan perniagaan Kedai Elektrik Mysarah pada 1 Januari 2024 menjual barang-barang elektrik. Beliau dibantu oleh 2 orang pekerja yang dibayar gaji bulanan RM2 000 seorang. Berikut adalah baki-baki akaun pada 1 Oktober 2025:

	RM
Tunai di tangan	320
Tunai di bank	12 534
Alatan pejabat	4 300
Akaun Belum Bayar	2 232

Anggaran penerimaan dan pembayaran untuk tempoh tiga bulan adalah seperti berikut:

- (i) Belian pada bulan Oktober RM8 800 dan dianggarkan meningkat sebanyak 10% bagi bulan berikutnya. 25% daripada jumlah belian setiap bulan ialah belian kredit yang perlu dijelaskan pada bulan berikutnya.
- (ii) Anggaran jualan tunai pada bulan Oktober ialah RM16 800 dan akan meningkat sebanyak 15% pada bulan berikutnya.
- (iii) Pada bulan November, sebuah komputer bernilai RM3 500 akan dibeli dengan membayar deposit sebanyak RM500. Bakinya akan dibayar secara ansuran selama 3 bulan bermula bulan berikutnya.
- (iv) Susut nilai alatan pejabat ialah 10% setahun atas kos.
- (v) Pada bulan Disember, seorang lagi pekerja diambil dan dibayar gaji RM1 500.
- (vi) Pinjaman bank RM30 000 dengan kadar faedah 8% setahun akan dibuat pada bulan November. Pinjaman akan dibayar balik dalam tempoh 5 tahun bermula bulan berikutnya.
- (vii) Anggaran perbelanjaan bulanan seperti berikut:

Butiran	Oktober RM	November RM	Disember RM
Sewa	720	720	800
Kadar bayaran	350	350	378

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan Tunai Bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2025.

[10 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT